

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**KARNIVAL USAHAWAN PERPADUAN  
2 JUN 2024 (AHAD)  
11.00 PAGI**

# **STADIUM KAJANG @ DATARAN KAJANG KAJANG, SELANGOR**

---

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum  
Wabarakatuh

Warahmatullahi

## **[SALUTASI RUJUK URUSETIA PROGRAM]**

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Program

Karnival Usahawan Perpaduan. Program ini telah diadakan dengan jayanya oleh Koperasi Perusahaan Tani & Ternak Berhad bersama rakan-rakan strategiknya.

2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih

dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk bersama dalam program yang penuh bermakna ini. Syabas dan tahniah atas usaha koperasi dalam menyediakan platform untuk usahawan tempatan

mengetengahkan produk dan perkhidmatan mereka kepada masyarakat. Ini adalah satu langkah yang sangat positif dalam memperkuuhkan ekonomi komuniti kita.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati,**

3. Sebagai Presiden ANGKASA, kehadiran saya pada pastinya untuk berkongsi sedikit sebanyak tentang peranan penting koperasi dalam pembangunan ekonomi negara dan masyarakat. Koperasi adalah wadah kebersamaan yang mampu memperbaiki taraf hidup rakyat dan

menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan. Kerajaan juga telah mengiktiraf koperasi sebagai enjin ketiga penggerak ekonomi, selain daripada sektor kerajaan dan swasta.

4. Peranan koperasi semakin berkembang dari tahun ke tahun dengan menumpukan kepada perniagaan yang lebih berimpak tinggi dan memenuhi keperluan pasaran semasa. Sektor Pertanian, Industri Asas Tani dan Perladangan juga turut diberi perhatian dalam

usaha membangunkan ekonomi rakyat dalam pelbagai bidang.

5. Ini dapat dilihat apabila gerakan koperasi berjaya mencatat perolehan yang memberangsangkan. Sebanyak RM64.5 Bilion telah disumbangkan

gerakan koperasi pada tahun 2023. Kesemua ini dilakukan secara musyawarah atau secara bersama, di mana anggota koperasi berkongsi idea, tenaga, kepakaran, dan modal dalam mengembangkan perniagaan mereka.

## **Hadirin dan hadirat yang dihormati,**

6. Saya yakin Koperasi Perusahaan Tani & Ternak Berhad telah banyak memainkan peranan besar dalam meningkatkan sosio-ekonomi anggotanya dan masyarakat setempat. Melalui

penganjuran karnival seperti ini, koperasi memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk memasarkan produk mereka dan memperkenalkan perkhidmatan yang ditawarkan. Ini adalah satu usaha yang sangat baik dalam menggalakkan semangat

keusahawanan di kalangan masyarakat.

7. Penganjuran karnival sebegini harus dijadikan contoh dan model kepada koperasi lain. Aktiviti seperti ini bukan sahaja memberi peluang kepada usahawan untuk

menambah pendapatan, tetapi juga meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya koperasi dalam pembangunan ekonomi komuniti.

8. Adalah tanggungjawab kita semua, menjadi

termasuk ANGKASA, untuk terus menyokong dan memperkuatkan gerakan koperasi. Kita perlu mengubah persepsi masyarakat bahawa koperasi bukan sahaja sebuah entiti ekonomi, tetapi juga sebuah institusi yang berpotensi

besar dalam memajukan sosioekonomi rakyat di negara ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati,**

9. Begitulah sedikit sebanyak perkongsian yang dapat saya sampaikan pada hari ini. Sekali lagi,

saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Koperasi Perusahaan Tani & Ternak Berhad atas inisiatif penganjuran karnival ini. Semoga usaha sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang dan koperasi terus menjadi pemacu

kecemerlangan  
anggotanya.

sosio-ekonomi

10. Sekian terima kasih.  
Wabillahitaufik walhidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.